

30 JUN 2003

BPM-SKIM/I

BANK PERTANIAN TERIMA 1,168 PERMOHONAN DI SELANGOR

SHAH ALAM, 30 Jun (Bernama) -- Bank Pertanian Malaysia (BPM) menerima 1,168 permohonan bernilai RM18.77 juta daripada usahawan kecil di Selangor bagi Skim Kredit Mikro, daripada keseluruhan 12,557 permohonan berjumlah RM191.843 juta yang diterima di seluruh negara.

Daripada jumlah itu, 631 permohonan telah diluluskan dengan nilai pinjaman bernilai RM8.822 juta, kata pengurus BPM Selangor, Mohd Nor Othman.

Beliau berkata BPM cawangan Banting mencatatkan jumlah permohonan paling tinggi dengan 353 permohonan bernilai RM5.576 juta, dan 85 daripadanya dengan nilai RM1.082 juta telah diluluskan.

Cawangan daerah lain yang mempunyai pemohon yang ramai ialah Tanjung Karang dengan 139 permohonan, Shah Alam 128 and Jeram 106.

Hampir keseluruhan permohonan di cawangan Tanjung Karang diluluskan iaitu sebanyak 137 bernilai RM1.557 juta daripada 139 permohonan, katanya.

"Aktiviti promosi yang baik akan membantu ramai orang untuk menyedari tentang skim ini seperti di Banting," katanya ketika ditemui sewaktu menghadiri taklimat Skim Kredit Mikro anjuran MCA Bahagian Selayang di sini hari ini.

Mohd Nor berkata daerah yang mencatatkan permohonan yang tinggi itu juga mempunyai kelebihan faktor kewujudan cawangan pinjaman di daerah masing-masing di mana proses membuat pinjaman akan menjadi lebih mudah.

BPM mempunyai 12 cawangan di Selangor. Empat daripadanya adalah cawangan pinjaman, iaitu Banting, Tanjung Karang, Shah Alam and Sungai Besar.

Lapan yang lain merupakan cawangan deposit iaitu di Jeram, Kuala Kubu Baru, Kajang, Kelang, Sekinchan, Sungai Buloh, Salak Tinggi dan Teluk Penglina Garang.

Mohd Nor berkata BPM akan cuba untuk meluluskan permohonan dalam masa lima hari.

Skim Kredit Mikro dengan dana RM1 bilion diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 21 Mei lepas untuk memberi akses pinjaman lebih mudah kepada peniaga kecil.

Daripada jumlah itu, RM700 juta disalurkan melalui BPM termasuk RM200 juta untuk dana Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), manakala baki RM300 juta disalurkan menerusi Bank Simpanan Nasional (BSN). -- BERNAMA

LES JR